



BAHAGIAN AUDIT DALAM
JABATAN PERDANA MENTERI

SELF ASSESSMENT PENGURUSAN KEWANGAN

TEMPOH PENILAIAN : 1 JULAI 2021 HINGGA 30 JUN 2022

Nama Pejabat : Bahagian Teknologi Maklumat
Jabatan_____

Perkara yang dinilai : Kawalan Bajet

Objektif : Untuk menentukan sama ada Jabatan memastikan sumber yang terhad dirancang dan diagihkan secara teratur.

Berikut adalah penilaian terhadap perkara mengenai kawalan pengurusan bajet bagi tempoh pengurusan kewangan yang dinyatakan untuk diberikan makluman/ulasan/tindakan:

Bil	Dokumen / Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak / Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/X/TB)
1	Penyediaan Bajet	<p>Penyampaian cadangan perbelanjaan tahun semasa telah dikemukakan mengikut tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Peraturan: PB1.3</p>	<p><u>Agensi yang belum melaksanakan MyResults</u></p> <p>Adakah cadangan anggaran perbelanjaan (manual) telah dikemukakan kepada Ibu Pejabat/JPM sebelum pengesahan secara dalam talian berdasarkan kepada arahan Ibu Pejabat/JPM?</p> <p><u>Agensi yang melaksanakan MyResults</u></p> <p>Pengesahan (<i>sign off</i>) Pegawai Pengawal secara dalam talian bagi kerangka keberhasilan dan cadangan anggaran perbelanjaan tahun 2023 sebelum tarikh akhir iaitu 19 Mei 2022.</p>	Semua dokumen berkaitan cadangan anggaran perbelanjaan secara manual oleh Jabatan seperti Ringkasan Eksekutif Kementerian (MES); Kerangka Pengurusan Prestasi Program (PPMF); Kerangka Pengurusan Prestasi Aktiviti (APMF) yang dijana melalui <i>MyResults</i> ; Lampiran A, B dan B1 seperti format Pekeliling Perbendaharaan yang berkaitan.	
		<p>Laporan Unjuran Keperluan Aliran Tunai bagi tahun semasa dikemukakan sebelum 31 Disember tahun sebelumnya berdasarkan kepada anggaran perbelanjaan yang telah diluluskan oleh Parlimen.</p> <p>Peraturan: PB1.3 (Perenggan 11.5)</p>	<p>Adakah Laporan Unjuran Keperluan Aliran Tunai bagi tahun semasa dikemukakan sebelum 31 Disember tahun sebelumnya berdasarkan anggaran yang telah diluluskan oleh Parlimen.</p>		

Bil	Dokumen / Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak / Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/X/TB)
		<p>Laporan Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai dikemukakan kepada Ibu Pejabat/JPM/Perbendaharaan mengikut tempoh yang ditetapkan.</p> <p>Peraturan: PB1.2 (Perenggan 8.1)</p>	<p>Adakah Laporan Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai dikemukakan kepada Ibu Pejabat untuk disatukan sebelum dikemukakan kepada Perbendaharaan sebelum 15 hari bulan setiap permulaan suku tahun (Januari; April; Julai dan Oktober)?</p>	<p>Laporan Unjuran Anggaran Keperluan Aliran Tunai disediakan dan dihantar untuk disatukan oleh Ibu Pejabat sebelum dikemukakan kepada Perbendaharaan dalam tempoh yang ditetapkan.</p>	
2	Pengagihan Peruntukan	<p>Waran peruntukan kecil diagihkan seberapa segera.</p> <p>Peraturan: PB1.2 (Perenggan 4.1)</p>	<p>Adakah waran peruntukan kecil dikemukakan kepada PTJ/Agensi pelaksana sebelum 15 Januari tahun semasa.</p>	<p>Waran peruntukan kecil diagih selewat-lewatnya pada 15 Januari tahun semasa.</p>	
3	Kelulusan Pindah/Tambah Peruntukan	<p>Pindah Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan diluluskan oleh Pegawai Pengawal sahaja.</p> <p>Peraturan: PB2.5 (Pindah Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan)</p> <p>Pindah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus diluluskan oleh Pegawai Pengawal/Pegawai yang diberi kuasa secara bertulis.</p> <p>Peraturan: PB2.6 (Pindah Peruntukan Perbelanjaan Mengurus)</p>	<p>i. Adakah waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal.</p> <p>ii. Adakah waran pindah peruntukan ditandatangani oleh Pegawai Pengawal atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis.</p>	<p>Surat perwakilan kuasa daripada Pegawai Pengawal kepada pegawai yang diberi kuasa dan Waran Pindah/Tambah Peruntukan.</p>	

Bil	Dokumen / Perkara Diaudit	Kriteria Audit	Senarai Semak / Prosedur Audit	Ukuran Pematuhan	Status Pematuhan (✓/X/TB)
4	Analisis Bajet	<p>Perbelanjaan mengurus dan pembangunan mempunyai peruntukan dan dibelanjakan tidak melebihi peruntukan.</p> <p>Peraturan: PB1.2 (Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021)</p>	<p>i. Adakah perbelanjaan mengurus mempunyai peruntukan dan dibelanjakan tidak melebihi peruntukan.</p>	<p>Laporan Kedudukan Vot (Mengurus) yang dijana melalui sistem iGFMS menunjukkan perbelanjaan yang dibuat dalam tahun semasa tidak melebihi peruntukan yang ditetapkan.</p>	
			<p>ii. Adakah perbelanjaan pembangunan mempunyai peruntukan dan dibelanjakan tidak melebihi peruntukan.</p>	<p>Laporan Kedudukan Vot (Pembangunan) yang dijana melalui sistem iGFMS menunjukkan perbelanjaan yang dibuat dalam tahun semasa tidak melebihi peruntukan yang ditetapkan.</p>	